

KERTAS MODEL

4

Masa: 2 jam

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

[25 markah]

- 1 Dalam petikan di bawah ini terdapat empat kesalahan bahasa. Gariskan empat kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Rapai bagi hari pertama untuk acara perbarisan dan perarakan sambutan Hari Kebangsaan 2016 di Dataran Merdeka berjalan lancar hari ini. Rapai yang bermula seawal 6:30 pagi itu disertai oleh 15 000 orang peserta daripada berbagai lapisan umur dan generasi. Timbalan Kanan Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Othman Mahmood menguar-uarkan pengunjung hadir pada 31 Ogos demi untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-59 dengan memakai pakaian berkonsepkan warna Jalur Gemilang iaitu merah, putih dan biru. Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun lepas 'Sehati Sejiwa' dikekalkan pada tahun 2016 oleh kerana perlunya memupuk semangat bersatu padu yang telah lama menjadi amalan dalam kalangan rakyat Malaysia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

[8 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Setiap individu perlu menilai dan berfikir secara bijak sebelum mengambil sebarang tindakan yang merugikan diri sendiri.

(ii) Kebanyakan murid yang berkelakuan liar tidak menghormati guru dan sanggup melanggar peraturan sekolah.

(iii) Pak Mat menanam beranika jenis sayur di belakang rumahnya.

[3 markah]